Jugra Hill's Challenge 2025 tarik 700 peserta

JUGRA Hill's Challenge 2025 di Bukit Jugra Banting baru-baru ini melibatkan 700 peserta dalam acara larian denai membabitkan tiga kategori iaitu 50km *Ultra Trail*, 10 kilometer (km) *Run* dan 4km *Fun Run*.

Menurut Jabatan Korporat dan Pembangunan Komuniti Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Bukit Jugra lokasi terbaik dan bertepatan dengan usaha memperkasakan pelancongan eko serta pelancongan sukan Selangor, khususnya Daerah Kuala Langat.

Program menyokong kempen Tahun Melawat Selangor 2025 itu turut dihadiri Timbalan Setiausaha MPKL, Zulkefli Mohamed Arif dan Ahli Majlis Perwakilan Penduduk Yusrinah Hidrus.

■ ZULKEFLI (depan lapan dari kanan) bersama peserta bergambar selepas majlis penyampaian hadiah. – UTUSAN/ ABDUL RAZAK IDRIS